

SOLAT DAN KAIFIYAT SOLAT BERDASARKAN GOLONGAN ANTI HADIS

ANTI-HADITH GROUP'S (GAH) STANCE ON PRAYER AND KAIFIYAT PRAYER

Nur Zahidah Binti Abdul Hamid^{1*}, Nur Akma Binti Azizul Akmal², Najah Nadiyah Binti Amran³

¹Sarjana, Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, zahidahamid98@gmail.com.

²Sarjana, Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, akmanur304@gmail.com.

³Pensyarah Kanan, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam 43600 UKM Bangi, Selangor, najah@ukm.edu.my.

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 02 Jan 2024

| Selepas Pembetulan: 30 April 2024

| Diterima untuk terbit: 27 Mei 2024

Abstrak

Hadis merupakan sumber kedua Islam selepas al-Quran yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW dari segi perkataan, perbuatan, perakuan dan sifat tubuh badan (jasmani) atau akhlak (rohani). Ia berperanan sebagai penjelas kepada isi kandungan al-Quran dengan lebih terperinci. Namun terdapat sekelompok masyarakat yang terpengaruh dengan pemikiran orientalis barat sehingga mereka tergolong sebagai kelompok yang beraliran anti hadis. Golongan ini berpegang dan beramal dengan intipati al-Quran semata-mata dan menolak autoriti hadis sebagai sumber perundangan Islam yang kedua. Kajian ini bertujuan mengkaji pegangan golongan anti hadis (GAH) dari aspek al-Quran, hadis, akidah dan syariat. Secara khususnya, kajian ini memfokuskan kepada pendirian golongan ini terhadap isu solat iaitu yang berkaitan (i) pensyariatan solat, (ii) waktu solat, (iii) kaedah-kaedah solat dan (iv) rakaat solat. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengumpulkan data daripada buku, jurnal dan artikel. Analisis data pula dilakukan secara deskriptif tematik. Kajian mendapati bahawa pendirian golongan anti hadis (GAH) terhadap isu solat dan kaifiyat solat adalah salah dan terpesong kerana mereka mentafsirkan ayat al-Quran berkaitan solat mengikut logik akal semata-mata dan tidak menjadikan hadis sebagai panduan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya golongan ini seterusnya memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha membanteras golongan ini di Malaysia.

Kata kunci

Golongan Anti Hadis (GAH), Solat dan Kaifiyat Solat, Hadis, Kassim Ahmad, Malaysia

Abstract

Hadith is the second source of Islam after the Quran which is based on the Prophet Muhammad SAW in terms of words, actions, testimonies and the nature of the body (physical) or morals (spiritual). It provides a more complete explanation of the content of the Quran. However, there is a subset of people who are opposed to hadith because they have been affected by western orientalist thought. This group rejects the legitimacy of the hadith as the second source of Islamic

law and only accepts the Quranic text as the final authority. The purpose of this study is to investigate the anti-hadith group's (GAH) opinions from the perspectives of the Qur'an, hadith, creed, and sharia. This study focuses on this group's stance on matters related to (i) prayer requirements, (ii) prayer times, (iii) prayer rules, and (iv) prayer rakats. By gathering information from books, journals, and articles, this study is qualitative. The analysis of the data is descriptive and thematic. According to the study, the anti-hadith group's (GAH) stance on prayer and kaifiyat prayer is incorrect and twisted because they interpret the Qur'anic verses regarding prayer using just their own reasoning without referencing any of hadith. Therefore, this study is expected to bring awareness to the community about the risks posed by this organization and help those who are involved in efforts to eradicate this group in Malaysia.

Keywords

Anti-Hadith Group's (GAH), Prayer and Kaifiyat Prayer, Hadith, Kassim Ahmad, Malaysia

1.0 Pengenalan

Sejarah telah menyaksikan Islam tidak pernah sunyi daripada serangan musuh-musuh yang tidak senang dengan kesucian agama Islam. Malah, mereka sentiasa mencari peluang untuk menghancurkan Islam antaranya ialah golongan anti hadis (GAH). Nabi Muhammad SAW pernah menyebut tentang kemunculan golongan ini di dalam hadis berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مَهْدِيٍّ حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ صَالِحٍ عَنِ الْحَسَنِ بْنِ جَابِرٍ اللَّحْمِيِّ عَنِ الْمُقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَلَا هَلْ عَسَى رَجُلٌ يَبْلُغُهُ الْحَدِيثُ عَنِّي وَهُوَ مُتَكَبِّرٌ عَلَى أَرِيكْتِهِ فَيَقُولُ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ كِتَابُ اللَّهِ فَمَا وَجَدْنَا فِيهِ خَلَالًا اسْتَخْلَلْنَاهُ وَمَا وَجَدْنَا فِيهِ حَرَامًا حَرَّمْنَاهُ وَإِنَّ مَا حَرَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا حَرَّمَ اللَّهُ. قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Basysyar, telah menceritakan kepada kami ^oAbd al-Rahman bin Mahdi, telah menceritakan kepada kami Mu^oawiyah bin Solih dari al-Hasan bin Jabir al-Lakhmi dari al-Miqdam bin Ma^odi Karib dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: Ketahuilah bahawa akan sampai hadis dariku kepada seorang sedang ia berbaring di tempat tidur yang mewah seraya berkata: "Antara kami dan kalian hanyalah Kitab Allah (al-Quran) sahaja. Apa yang kami dapati di dalamnya sebagai halal, kita halalkan dan apa yang diharamkan, kita haramkan. Sesungguhnya, apa-apa yang diharamkan oleh Rasulullah SAW samalah seperti apa yang diharamkan oleh Allah SWT.

(Sahih al-Tirmizi, Kitab *al-Ilm^oan Rasulullah SAW*, Bab *Ma Nuhi^oanhu^oan Yuqaalu^oinda Hadis al-Nabi SAW*, Hadis Hasan, No. Hadis 2664)

Golongan anti hadis (GAH) dalam bahasa Arab dipanggil *munkir al-sunnah*. Munkir ialah isim fa^oil (kata pembuat) daripada perkataan (أنكر ينكر إنكارا). Dalam *Lisan al-^oArab*, maksud perkataan ingkar adalah sama dengan *juhd* iaitu mengingkari dalam keadaan ia tahu (Ibn Manzur T.th). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), ingkar

mempunyai tiga maksud, pertama tidak membenarkan (mengaku), menafikan, menyangkal dan mungkir. Kedua, enggan, tidak menurut dan tidak mahu. Ketiga, penafian, penyangkalan dan perihal memungkiri. Menurut Syed Abdul Majid (2015), sunnah pula di sisi kebanyakan ulama memiliki makna yang sama dengan hadis iaitu segala sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat tubuh badan (jasmani) atau akhlak (rohani) juga sirah (perjalanan hidup nabi) sama ada sebelum Baginda dilantik menjadi Rasul atau selepasnya.

Daripada takrifan di atas, dapat difahami bahawa golongan anti hadis (GAH) ialah satu golongan atau kelompok yang berusaha menolak hadis sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dan memadai bagi mereka berhujah dengan al-Quran. Mereka juga menolak autoriti hadis sebagai sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran. Tambahan pula, mereka berpegang kuat dengan mengatakan al-Quran adalah kitab yang sempurna dan tidak memerlukan penghujahan daripada sumber-sumber lain. Gerakan ini telah muncul di pelbagai negara antaranya India dan Pakistan yang dikenali sebagai *Jam'iyah Ahli Qur'an*, Indonesia dengan nama Ingkar Sunnah, Malaysia dengan nama golongan anti hadis (GAH) dan sebagainya.

Menurut Abur Hamdi et al. (2016), faktor utama yang mempengaruhi perkembangan fahaman anti hadis ialah kerana terpengaruh dengan idea-idea yang dikemukakan oleh orientalis barat yang bertujuan untuk melemahkan ajaran Islam dari dalam. Menurut Najah Nadiyah (2001) & Rosni et al. (2020), golongan orientalis barat ini pada awalnya menjadikan al-Quran sebagai subjek penyelewengan dan pemalsuan untuk memesongkan akidah umat Islam tetapi usaha mereka hanyalah sia-sia kerana al-Quran telah terjamin oleh Allah SWT kesuciannya daripada sebarang bentuk penyelewengan dan pemalsuan. Perkara ini menyebabkan mereka beralih kepada sumber syariat Islam yang kedua iaitu hadis. Hal ini demikian kerana mereka mendapati banyak ruang yang boleh dipergunakan untuk menimbulkan keraguan, kekeliruan dan pertikaian terhadap hadis memandangkan hadis merupakan penjelas kepada isi kandungan al-Quran.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneroka sejarah kemunculan golongan anti hadis (GAH) secara umum dan kemudian secara khusus di Malaysia. Setelah itu, kajian ini akan mengkaji pegangan golongan anti hadis (GAH) dari aspek al-Quran, hadis, akidah dan syariat secara umum. Seterusnya, kajian ini akan memfokuskan perbincangan terhadap hujah-hujah yang diketengahkan oleh golongan ini berkaitan isu solat dan kaifiyat solat kemudian mendatangkan dalil-dalil dan fakta ilmiah bagi tujuan membidas hujah-hujah yang dikemukakan tersebut. Akhir sekali, kajian ini akan mengemukakan kesan-kesan fahaman golongan anti hadis (GAH) ini terhadap umat Islam dari sudut pegangan terhadap al-Quran, al-Sunnah, akidah dan syariat.

2.0 Sejarah Kemunculan Golongan Anti Hadis

Pada zaman Rasulullah SAW, benih-benih anti hadis ini dapat dilihat dalam kalangan kaum Quraisy yang telah mendustakan ajaran Rasulullah SAW serta melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap ajaran Islam. Namun, mereka ini tidaklah dikategorikan sebagai anti hadis kerana telah nyata bahawa akidah mereka yang tidak beriman terhadap ajaran Islam.

Kemudian, cubaan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan dengan hanya merujuk kepada al-Quran pernah dilakukan pada zaman sahabat. Namun, tindakan tersebut telah ditegur serta diingatkan supaya menerima dan

melaksanakan segala yang dibawa oleh Rasulullah SAW tanpa rasa ragu-ragu. Contohnya, berlaku pada sahabat yang bernama Umayyah bin Khalid yang cuba menyelesaikan masalah dengan hanya merujuk kepada al-Quran sahaja. Walaupun begitu, ia hanyalah dalam ruang lingkup pandangan peribadi seseorang dan tidak berkembang dalam bentuk kumpulan atau gerakan (Abur Hamdi et al. 2016).

Golongan Anti Hadis (GAH) ini telah wujud secara jelas pada abad ke-2 hijrah yang telah ditangani oleh Imam al-Shafi'iy. Menurut Mustaffa al-Siba^{ie} (1985), Imam al-Shafi'iy telah menceritakan perdebatannya dengan seorang yang berfahaman anti hadis dalam kitabnya al-'Umm. Beliau turut membincangkan dengan panjang lebar berkenaan penghujahan golongan anti hadis yang menolak hadis yang bukan mutawatir seperti hadis ahad. Di samping itu, golongan ini turut mendakwa bahawa hadis bukanlah penerang atau penguat kepada al-Quran bahkan sebagai hukum yang terpisah daripada al-Quran (Muhammad Ali 2012). Setelah itu, Imam al-Shafi'iy telah berjaya mematahkan idea-idea palsu yang dikemukakan oleh golongan anti hadis ini sehingga mereka kembali bersetuju dengan hujah-hujah beliau seterusnya berpegang kepada hadis Rasulullah SAW (Rosni et al. 2020).

Mutakhir ini, fahaman anti hadis ini telah berkembang sehingga ia menjadi senjata kepada golongan orientalis barat untuk menjatuhkan Islam. Usaha mereka ini tidak hanya terhenti dalam kalangan mereka semata-mata malah mereka juga berhasil mendidik generasi daripada kalangan bukan Islam dan orang Islam sendiri. Antara Individu yang terpengaruh dan mula menyemarakkan fahaman anti hadis ini ialah Muhammad Tawfiq Sidqi yang berasal dari Mesir. Beliau telah menulis sebuah artikel yang mendukung fahaman anti hadis yang bertajuk *al-Islam Huwa al-Qur'an Wahdah* (Najah Nadiyah 2001). Dalam artikel tersebut, beliau mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran sahaja dan mengatakan tidak perlu merujuk hadis sebagai sumber hukum. Idea-idea Tawfiq Sidqi mendapat perhatian daripada Rashid Rida namun Mustaffa al-Siba^{ie} telah menarik semula artikel berkenaan apabila Tawfiq Sidqi cuba menyebarkan teori anti hadis (Faisal 2016).

Pada tahun 1929, Ahmad Amin yang merupakan penulis buku *al-Fajr al-Islam, Dhuha al-Islam* dan *Zuhr al-Islam* telah merendah-rendahkan martabat hadis serta mencampur adukkan antara hak dan batil mengenai hadis (Dasman Yahya 2014). Beliau turut mempertikaikan ulama hadis. Selain itu, Ismail Adham yang juga merupakan seorang pengkaji yang terpengaruh dengan orientalis barat telah cuba menanamkan keraguan terhadap usaha membukukan sunnah termasuk Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dalam sebuah artikelnya mengenai sejarah sunnah (Faisal 2016).

Selain itu, Rashad Khalifa yang berkelulusan biokimia dari Amerika Syarikat dan berasal dari Mesir merupakan cendekiawan Islam yang menuntut di Eropah juga telah terpengaruh dengan ajaran anti hadis ini (Abur Hamdi et al. 2016). Rashad Khalifa telah memperkenalkan kod 19 yang merupakan satu penyelewengan besar dalam pentafsiran al-Quran. Melalui penulisan buku *Kaedah Tepat Memahami Hadis* oleh Faisal (2016), Rashad Khalifa menegaskan bahawa al-Quran dapat dibuktikan kesuciannya sebagai wahyu dan benar-benar ciptaan tuhan kerana dapat dihitung dengan angka 19. Tambahnya, angka kod 19 itu telah dibuktikan oleh ilmu sains sebagai mukjizat al-Quran yang baru ditemukan pada tahun 1980.

3.0 Kemunculan Golongan Anti Hadis di Malaysia

Di Malaysia, gerakan anti hadis telah dipelopori oleh seorang pengasas Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) iaitu Kassim Ahmad. Kassim Ahmad bersama rakan-rakannya seperti Othman Ali dan Abdul Manan Harun mula mengembangkan fahaman ini pada

tahun 1985. Mereka cuba menarik perhatian umat Islam dengan mengemukakan teori bahawa ajaran Islam memadai dengan hanya berpandukan al-Quran serta kajian saintifik menerusi akal (Abur Hamdi & Norhamizah 2018).

Bermula bulan September 1985, Kassim Ahmad telah memperlihatkan peningkatan gerakannya dengan penganjuran Majlis Diskusi mengenai "Teori Hadis" di Pejabat ALIRAN (Aliran Kesedaran Rakyat) dan juga di rumah beliau di Pulau Pinang yang dihadiri oleh beberapa kenalannya daripada ahli Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM). Ekoran daripada penyebaran ajaran sesat yang dibawa oleh Kassim Ahmad, beliau mendapat kecaman yang hebat oleh para ulama Islam dan akhirnya telah mengakibatkan beberapa siri ceramah beliau yang telah dirancang di Universiti Kebangsaan Malaysia telah dibatalkan oleh pihak kerajaan (Abdul Mukti et al. 2020).

Pada bulan Mei 1986, Kassim Ahmad telah menulis sebuah buku bertajuk "*Hadith Satu Penilaian Semula*" terbitan Media Intelek Sdn. Bhd. selepas beliau mendapat kecaman dan ceramahnya dibatalkan. Dalam buku tersebut, Kassim Ahmad cuba membahaskan masalah keperluan umat yang menurutnya beriman kepada hadis sebagai sumber rujukan selepas al-Quran adalah punca utama perpecahan umat. Setelah itu, penulisan buku ini telah membangkitkan kemarahan dan menimbulkan kontroversi yang meluas di kalangan umat Islam. Buku tersebut akhirnya diharamkan oleh Kerajaan melalui Warta Kerajaan P.U.A 223 bertarikh 10 Julai 1986 (Abdul Mukti et al. 2020).

Pada bulan Oktober 1992, Kassim Ahmad telah menulis sebuah lagi buku yang bertajuk "*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*" terbitan Media Intelek Sdn. Bhd. bagi menjawab kritikan-kritikan ke atasnya serta mempertahankan pandangannya. Namun, buku tersebut sekali lagi mencetuskan kontroversi serta kemarahan umat Islam. Buku tersebut turut diharamkan oleh kerajaan melalui Warta Kerajaan (Kassim Ahmad 2011). Pada 11 Jun 1995, Kassim Ahmad telah menubuhkan pertubuhan Jemaah al-Quran Malaysia (JAM) (Rahimin et al. 2012). Menurut Najah Nadiyah (2001), JAM tidak dapat didaftarkan dan bergerak seperti pertubuhan-pertubuhan lain kerana bangkangan daripada Pusat Islam dan majlis-majlis agama negeri.

Bermula era abad ke-21, perkembangan gerakan ini dilihat aktif semula selepas kerajaan menggagalkan pertubuhan tersebut. Gerakan ini kembali aktif menyebarkan pemikiran mereka dengan mewujudkan laman-laman web gerakan, blog peribadi, menulis artikel-artikel di akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan. Mereka juga turut mengadakan usrah, ceramah dan forum untuk anggota-anggota mereka dan banyak lagi (Rosni et al. 2020). Tambahan pula, penggunaan internet dalam era baru yang semakin berkembang telah banyak membantu golongan ini menyebarkan ideologi mereka. Menurut Najah Nadiyah (2001), terdapat dua laman web yang ditubuhkan oleh gerakan ini iaitu <http://www.stormloader.com/qmsjam/> yang dipelopori oleh Kassim Ahmad, mewakili Jemaah al-Quran Malaysia dan <http://www.ropelist.com> yang dipelopori oleh Othman Ali. Namun, kedua-dua laman web tersebut telah disekat dan tidak boleh diakses pada masa kini.

4.0 Hujah Golongan Anti Hadis

Fahaman GAH terhadap ajaran agama Islam ini bukan sekadar hanya kenyataan namun mereka memiliki hujah-hujah yang dipegang dan diyakini. Hujah-hujah GAH ini boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian. Antaranya ialah:

4.1 Al-Quran

Menurut Golongan anti hadis, al-Quran adalah sebuah kitab yang lengkap, sempurna, terperinci dan tidak memerlukan kepada kitab-kitab lain untuk menyempurnakan dan

melengkapkannya. Ia sudah cukup untuk menjadi pegangan buat semua umat manusia namun mereka mengatakan bahawa al-Quran perlu ditafsir semula tanpa terikat dengan tafsiran ulama-ulama terdahulu. Mereka mendakwa tafsiran ulama-ulama terdahulu telah jauh ketinggalan dan tidak sesuai lagi digunakan pada masa kini. Mereka juga berpendapat, dalam mentafsir al-Quran tidak perlu terikat dengan ilmu *asbab al-nuzul*, *nasikh wa al-mansukh*, tafsiran Rasulullah SAW, para sahabat dan ahli-ahli tafsir terdahulu. Memadai menurut mereka tafsiran itu menepati logik akal dan rasional (Zaidul Amin et al. 2019).

Secara jelasnya GAH Malaysia telah menyeru umat Islam kepada pentafsiran ayat-ayat al-Quran berdasarkan ilmu akal dan sains semata-mata (Zaidul Amin et al. 2019). Perkara ini mengakibatkan GAH tidak menggunakan metode pentafsiran yang sebenar yang telah digariskan oleh ulama, bahkan mereka telah membuat metode pentafsiran yang tersendiri sehingga berlaku banyak kekeliruan dan penyelewengan di dalamnya (Mohd Norzi et al. 2016). Antara metode yang digunakan oleh GAH ialah mentafsirkan nas al-Quran berdasarkan pemahaman akal mereka sahaja. Sebagai contoh dalam tafsiran perkataan "*al-Hikmah*", Kassim Ahmad menyatakan bahawa kalimah "*al-Hikmah*" adalah merujuk kepada al-Quran dan bukan sunnah atau hadis seperti yang ditakrifkan oleh Imam al-Shafi'iy. Dia menolak dakwaan bahawa hadis merupakan wahyu daripada Allah SWT (Kassim Ahmad 1986).

Selain itu, golongan anti hadis ini menggunakan terjemahan *harfiyah* yang kebanyakannya menyeleweng dari maksud sebenar ayat tersebut (Zaidul Amin et al. 2019). Contohnya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Zukhruf ayat 3:

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ۝ ۳

Maksudnya:

Kami menjadikan al-Quran dalam bahasa Arab agar kamu mengerti.

Surah al-Zukhruf (43):3

Golongan ini telah menterjemahkan satu persatu perkataan dalam ayat ini iaitu "*inna*" kemudian "*ja'alna*" dan seterusnya (al-Uthaimin t.th). Mereka sangat gemar menggunakan metode tafsir terjemahan *harfiyah*. Ini menyebabkan mereka gagal memahami makna keseluruhan ayat al-Quran yang sebenar sedangkan terjemahan secara *harfiyah* ini tidak boleh dianggap sebagai makna sebenar dari al-Quran kerana al-Quran menggunakan suatu lafaz dengan pelbagai gaya untuk satu maksud yang pelbagai sama ada makna hakiki atau makna majazi (kiasan) atau makna dan maksud lainnya (Ahmad Bazli et.al 2014).

4.2 Hadis Nabawi

Golongan anti hadis banyak menyeleweng fakta berkenaan hadis. Mereka mendakwa hadis tidak berperanan dalam mentafsir al-Quran (Rosni et al. 2020). Mereka menyatakan bahawa al-Quran adalah lengkap, terperinci dan sempurna, maka tidak perlu merujuk kepada hadis Nabi Muhammad SAW untuk memahaminya (Hafiz Firdaus 2005). Antara dalil untuk menguatkan pendapat mereka ini ialah daripada firman Allah dalam surah al-An'am ayat 38:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَالُكُمْ ۚ مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ؕ ثُمَّ
إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ٣٨

Maksudnya:

Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).

Surah al-An'am (6):38

Selain itu, Kassim Ahmad juga menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW hanya ditugaskan untuk menyampaikan wahyu Allah SWT iaitu al-Quran kepada manusia dan setelah baginda wafat, hanya al-Quran menjadi warisan buat seluruh umat manusia (Kassim Ahmad 1992). Antara dalil yang digunakan untuk membenarkan pendapat mereka ini ialah Surah al-Syuraa ayat 42:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۚ أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٤٢

Maksudnya:

Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang-orang yang beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Surah al-Shuraa (42):42

Pandangan ini juga dapat dilihat dalam ucapan perasmian Kassim Ahmad di dalam blog peribadinya yang bertajuk "Mesyuarat Agung Forum Iqra' yang Keenam" (Kassim Ahmad 2007):

"Sesetengah orang juga mendakwa hadis mentafsirkan Al-Qur'an. Kita tahu isi kandungan Al-Qur'an itu banyak yang tidak diketahui oleh Nabi Muhammad sendiri, khususnya tentang kejadian langit dan bumi dan tentang masa depan. Nabi Muhammad menerima wahyu dari Tuhan dan tanggungjawab beliau ialah menyampaikan wahyu ini kepada manusia bukan menghuraikannya."

GAH juga menyatakan bahawa kesahihan sesebuah hadis adalah diragukan. Kenyataan ini dapat dilihat dalam buku Kassim Ahmad (1986) yang bertajuk "Hadis Satu Penilaian Semula". Antara kenyataannya adalah seperti berikut:

“Hadith atau Sunnah Nabi suatu ajaran palsu yang muncul antara 200-250 tahun kemudian dan yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad.”

“Hadith merupakan pandangan dan pendapat manusia yang tidak terjamin kebenarannya. Ia tidak lebih daripada tekaan dan agakan.”

Di samping itu, GAH juga telah menolak hadis sebagai sumber teologi dan perundangan. Menurut Kassim Ahmad (1986), bahawasanya penolakan mereka terhadap hadis sebagai sumber teologi dan perundangan sama sekali tidak bermakna mereka menolak Nabi Muhammad SAW, malah penolakan ini mampu membersihkan nama Nabi Muhammad SAW daripada ajaran palsu yang telah dikaitkan kepada baginda yang berlawanan dengan ajaran al-Quran yang sebenar. Hal ini kerana, menurut mereka hadis merupakan pandangan dan pendapat manusia yang tidak terjamin kebenarannya. Ia tidak lebih daripada sebuah tekaan dan agakan.

Walau bagaimanapun, mereka tetap meyakini kewujudan hadis tetapi mereka mengatakan bahawa martabat hadis tersebut tidak sama dengan al-Quran. Perintah-perintah dan keputusan-keputusan nabi di luar al-Quran sebagai pemimpin masyarakat Islam seperti yang termaktub dalam Piagam Madinah yang terkenal dan dalam perjanjian-perjanjian serta surat-surat baginda merupakan sunnah dan hadis yang sahih tetapi sunnah ini tidak mengikat umat Islam kemudiannya seperti mana al-Quran mengikat mereka. Sunnah ini hanya satu contoh yang boleh diikuti jika sesuai dengan keadaan dan boleh ditinggalkan jika tidak sesuai dengan keadaan (Kassim Ahmad 1986).

4.3 Akidah

Selain daripada pemahaman yang menyeleweng berkaitan al-Quran dan hadis, GAH juga menyentuh isu-isu berkaitan akidah. Mereka menolak hadis sebagai sumber kepada akidah umat Islam (Himpunan Fatwa Negeri Melaka 1986-2005 t.th). Menurut Mohd al 'Ikhsan dan Siti Salwa (2014), pengaruh golongan ini terhadap akidah ialah berkaitan dengan kepercayaan dan pegangan yang merangkumi asas-asas Islam, keistimewaan para nabi dan perkara-perkara ghaib. Antara contoh hujah mereka yang berkaitan soal akidah adalah berkenaan dengan penafian syahadah kedua. Golongan anti hadis ini berfahaman bahawa dua kalimah syahadah yang diucapkan oleh umat Islam adalah dilarang dalam Al-Quran kerana syahadah yang diwajibkan hanyalah *“la ilaha illallah”*. Perkara ini dapat dilihat dalam kenyataan Kassim Ahmad (1992) di dalam bukunya:

“Al-Quran mengajar syahadah dalam tiga buah ayat, iaitu ayat 18, surah 3 yang menyatakan bahawa Tuhan, para malaikat dan orang-orang yang berilmu bersaksi bahawa “Tiada Tuhan melainkan Allah”, ayat 19, surah 47 yang menegaskan “Ketahuilah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah” dan ayat 1, surah 63 yang membatalkan kenyataan orang-orang munafiq yang mendakwa “Kami bersaksi bahawa Muhammad Rasul Allah”. Oleh itu “Dua kalimah syahadah yang diajar dalam hadith adalah bercanggah dengan ayat-ayat di atas.”

Berdasarkan daripada perkataan Kassim Ahmad ini, dapatlah difahami bahawa mereka menafikan syahadah kedua. Bahkan, lebih teruk lagi mereka mempertikaikan

dua kalimah syahadah dengan menganggap syahadah yang kedua sebagai mendewadewakan Nabi Muhammad SAW. Selain itu, golongan ini juga menolak kepercayaan kepada *qada' dan qadar* yang merupakan salah satu tonggak keimanan yang wajib dipegang oleh setiap umat Islam (Himpunan Fatwa Negeri Melaka 1986-2005 t.th). Golongan ini mengatakan bahawa dalam al-Quran surah al-Nisa' ayat 136 hanya menyebut lima rukun iman sahaja iaitu percaya kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan hari kemudian sedangkan hadis menyebut enam dengan menambah kepercayaan kepada *qada' dan qadar*.

4.4 Syariat

Menurut Mohd al 'Ikhsan dan Siti Salwa (2014), pengaruh GAH dalam syariat adalah berkaitan dengan pengamalan dan hukum-hakam Islam. Antara yang ditegaskan oleh Kassim Ahmad adalah berkaitan batas aurat wanita. Menurut Kassim Ahmad, rambut bukanlah sebahagian daripada aurat wanita. Beliau berpendapat bahawa pemakaian tudung adalah ajaran daripada kitab Taurat dan merupakan fenomena baru yang muncul sejak revolusi Islam Iran pada tahun 1979. Antara dalil yang digunakan ialah ayat quran berkaitan wuduk. Ayat tersebut menyuruh manusia untuk menyapu kepala ketika hendak mengambil wuduk, maka perkara ini menunjukkan bahawa kepala biasanya terdedah dan bukan aurat (Kassim Ahmad 2014).

Selain itu, GAH juga mempertikai ibadah-ibadah seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji dengan mengatakan bahawa ibadah-ibadah tersebut bukan disampaikan melalui hadis tetapi adalah amalan turun-temurun yang berpunca daripada ajaran Tuhan kepada Nabi Ibrahim as dan pengikut-pengikutnya. Sebagai contoh dalam bab solat tidak ditekankan berkaitan kaedah solat kerana menurut mereka perkara tersebut tidak begitu penting jika dibandingkan dengan tujuan (Kassim Ahmad 1986). Dalam bab haji pula, Kassim Ahmad telah melontarkan pandangannya agar ibadah haji ini dilakukan pada bulan-bulan yang lain. Perkara ini dinyatakan oleh Kassim Ahmad (2015) dalam blognya yang bertajuk "Tragedi Demi Tragedi di Mekah":

Mengikut ajaran al-Quran, haji boleh dilakukan dalam mana-mana satu bulan suci, iaitu dalam bulan Zulhijjah, bulan Muharram, bulan Safar dan Rabi'ul Awal. Jika 2 juta orang Islam dari seluruh pelusuk dunia datang ke Mekah untuk mengerjakan haji datang dalam mana-mana bulan suci ini, kita akan dapat 500 000 jemaah haji. Jadi, tidaklah sesak dan tidak akan berlaku rempuhan-rempuhan yang telah berlaku banyak kali. Pihak berkuasa Arab Saudi mestilah mengumumkan kepada masyarakat Islam sedunia hal ini. Malangnya, selama ini jemaah haji menuju ke Mekah untuk melakukan ibadah haji ini dalam bulan Zulhijjah, mengikut Nabi Muhammad SAW yang kebetulan melakukan hajinya dalam bulan itu. Di sinilah silapnya. Saya amat hairan mengapa tidak ada pemimpin Islam yang menegur kesilapan ini.

5.0 Analisis Pendirian Golongan Anti Hadis Berkaitan Solat Dan Kaifiyat Solat

5.1 Pensyariatan Solat

Golongan anti hadis telah menimbulkan pelbagai kekeliruan kepada umat Islam dalam soal ibadah (Akmal Mhd Zain 1998). Golongan anti hadis ini mempertikaikan hal yang

berkaitan ibadah seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji dengan mengatakan bahwa ibadah-ibadah tersebut bukan disampaikan melalui hadis tetapi adalah amalan turun-temurun yang berpunca daripada ajaran Tuhan kepada Nabi Ibrahim AS dan pengikut-pengikutnya (Kassim Ahmad 1986). Mereka berhujah dengan surah al-Baqarah ayat 128:

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ
الرَّحِيمُ ١٢٨

Maksudnya:

Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan jadikanlah daripada keturunan kami umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadah kami, dan terimalah taubat kami sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Baqarah (2):128

Kassim Ahmad memahami potongan ayat "وأرنا مناسكنا" bahwa Nabi Ibrahim AS meminta agar Allah SWT mengajarkan bagaimana hendak mengamalkan ibadah-ibadah agama seperti solat, puasa, zakat dan haji. Oleh itu, ayat ini menunjukkan bahwa ibadah solat ini telah mula disyariatkan sejak dari zaman Nabi Ibrahim AS lagi. Dia juga mengatakan bahwa bentuk solat itu tetap wujud di dalam masyarakat Arab yang diwarisi dari generasi ke generasi daripada Nabi Ibrahim AS tetapi kaedahnya telah hilang apabila ia kemudiannya telah dilakukan terhadap berhala serta patung dan bukan lagi terhadap Tuhan Yang Esa. Setelah itu, kedatangan Nabi Muhammad SAW menandakan permulaan pembersihan solat secara besar-besaran daripada khurafat-khurafat yang telah masuk ke dalamnya seterusnya mengembalikan manusia kepada penyembahan kepada Allah SWT sahaja dan berpandukan amalan turun-temurun tersebut (Kassim Ahmad 1992).

Ulama berbeza pendapat mengenai apa yang dimaksudkan daripada perkataan '*manasik*' dalam ayat ini. Menurut Qatadah dan al-Suddi, yang dimaksudkan dengan *manasik* ialah tempat-tempat dan tanda-tanda dalam pelaksanaan ibadah haji. Mujahid, Atha' dan Ibnu Juraij pula berkata "yang dimaksudkan dengan *manasik* adalah tempat-tempat penyembelihan, iaitu lokasi penyembelihan". Berdasarkan daripada tafsiran ulama ini dapatlah difahami bahwa ibadah yang dimaksudkan di sini ialah ibadah haji. Ayat ini juga dilihat bertepatan dengan ayat sebelumnya iaitu berkaitan pembinaan Baitullah oleh Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS (al-Qurtubi 1964).

Selain itu, terdapat hadis yang panjang mengenai perjalanan Isra' dan Mikraj Nabi SAW yang di dalamnya diceritakan tentang peristiwa yang berlaku sepanjang tempoh tersebut bermula daripada kisah Jibril AS membedah dan membasuh hati Nabi SAW, perjalanan baginda ke langit, pertemuan baginda dengan para nabi termasuk penyariat solat yang asalnya lima puluh waktu kemudian Nabi Muhammad SAW ulang-alik bertemu Allah SWT untuk mengurangkan bilangannya sehingga hanya tinggal lima waktu. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang yang diriwayatkan oleh al-

Bukhari daripada Anas bin Malik yang bersumberkan daripada Abu Dhar, potongan hadis berkaitan solat adalah seperti berikut:

... قَالَ ابْنُ حَزْمٍ، وَأَنْسُ بْنُ مَالِكٍ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " فَفَرَضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيَّ أُمَّتِي حَمْسِينَ صَلَاةً، فَرَجَعْتُ بِذَلِكَ، حَتَّى مَرَرْتُ عَلَى مُوسَى، فَقَالَ: مَا فَرَضَ اللَّهُ لَكَ عَلَيَّ أُمَّتِكَ؟ قُلْتُ: فَرَضَ حَمْسِينَ صَلَاةً، قَالَ: فَارْجِعْ إِلَى رَبِّكَ، فَإِنَّ أُمَّتَكَ لَا تُطِيقُ ذَلِكَ، فَارْجَعْتُ، فَوَضَعَ شَطْرَهَا، فَرَجَعْتُ إِلَى مُوسَى، قُلْتُ: وَضَعَ شَطْرَهَا، فَقَالَ: رَاجِعْ رَبِّكَ، فَإِنَّ أُمَّتَكَ لَا تُطِيقُ، فَارْجَعْتُ فَوَضَعَ شَطْرَهَا، فَرَجَعْتُ إِلَيْهِ، فَقَالَ: ارْجِعْ إِلَى رَبِّكَ، فَإِنَّ أُمَّتَكَ لَا تُطِيقُ ذَلِكَ، فَارْجَعْتُهُ، فَقَالَ: هِيَ حَمْسٌ، وَهِيَ خَمْسُونَ، لَا يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ، فَرَجَعْتُ إِلَى مُوسَى، فَقَالَ: رَاجِعْ رَبِّكَ، فَقُلْتُ: اسْتَحْيَيْتُ مِنْ رَبِّي، ثُمَّ انْطَلَقَ بِي، حَتَّى انْتَهَى بِي إِلَى سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى، وَعَشِيهَا أَلْوَانٌ لَا أَدْرِي مَا هِيَ؟ ثُمَّ أَدْخَلْتُ الْجَنَّةَ، فَإِذَا فِيهَا حَبَابِلُ اللَّوْلُؤِ وَإِذَا تُرَابُهَا الْمِسْكُ

Maksudnya: ...Ibnu Hazm berkata, Anas bin Malik menyebutkan, Nabi SAW bersabda: "Kemudian Allah Taala mewajibkan kepada umatku solat sebanyak lima puluh kali. Maka aku pergi membawa perintah itu hingga aku berjumpa dengan Musa, lalu ia bertanya, "Apa yang Allah perintahkan buat umatmu?". Aku menjawab: "Solat lima puluh kali". Lalu dia berkata, "Kembalilah kepada Tuhanmu, kerana umatmu tidak akan sanggup!" Maka aku kembali dan Allah mengurangi setengahnya. Aku kemudian kembali menemui Musa dan aku katakan bahawa Allah telah mengurangi setengahnya. Tapi ia berkata, "Kembalilah kepada Tuhanmu kerana umatmu tidak akan sanggup. "Aku lalu kembali menemui Allah dan Allah kemudian mengurangi setengahnya lagi." Kemudian aku kembali menemui Musa, lalu ia berkata, "Kembalilah kepada Tuhanmu, kerana umatmu tetap tidak akan sanggup." Maka aku kembali menemui Allah SWT, Allah lalu berfirman: "Lima ini adalah sebagai pengganti dari lima puluh. Tidak ada lagi perubahan keputusan di sisi-Ku!" Maka aku kembali menemui Musa dan ia kembali berkata, "Kembalilah kepada TuhanMu!" Aku katakan, "Aku malu kepada Tuhanku." Jibril lantas membawaku hingga sampai di Sidratul Muntaha yang diselimuti dengan warna-warni yang aku tidak tahu benda apakah itu. Kemudian aku dimasukkan ke dalam syurga, ternyata di dalamnya banyak kubah-kubah terbuat dari mutiara dan tanahnya dari minyak kasturi.

(Sahih al-Bukhari, Kitab *al-Solat*, Bab *Kaifa Furidati al-Solawat fi al-Isra'*, Hadis Sahih, No. Hadis 349)

Hadis berkaitan peristiwa Isra' dan Mikraj ini mempunyai hubungan yang jelas dengan sejarah pensyariatian solat fardhu lima waktu yang diwajibkan ke atas umat Islam. Peristiwa ini juga turut dijelaskan di dalam al-Quran surah al-Isra' ayat 1:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ
مِنَ عَائِنَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۝ ١

Maksudnya:

Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Surah al-Isra' (17):1

Tambahan pula, penafian terhadap peristiwa Isra' dan Mikraj ini seolah-olah menafikan ayat al-Quran surah al-Isra' ayat 1. Di samping itu, catatan sejarah juga menunjukkan bahawa solat merupakan perintah Allah SWT yang agung. Segala perintah lain seperti puasa, zakat dan haji diturunkan oleh Allah SWT melalui malaikat Jibril AS namun dalam menurunkan perintah solat, Allah SWT sendiri telah menjemput Rasulullah SAW melalui peristiwa Isra' dan Mikraj. Peristiwa ini menunjukkan betapa pentingnya solat berbanding dengan hukum-hukum yang lain (al-Mubarakfuri 2002). Daripada dalil-dalil yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa pemahaman golongan anti hadis berkaitan pensyariatkan solat yang bermula daripada zaman Nabi Ibrahim AS merupakan pentafsiran yang salah kerana memahami mengikut pandangan akal sehingga meninggalkan tafsiran ulama serta bercanggah dengan kebenaran sejarah.

5.2 Waktu Solat

Kassim Ahmad telah menyatakan bahawa solat yang disyariatkan kepada umat Islam ialah lima waktu. Antara dalil yang digunakan ialah ayat al-Quran surah Hud ayat 114 dan surah Taha ayat 130 (Kassim Ahmad 1992):

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَرُفْعًا مِنَ اللَّيْلِ ۚ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ ۚ ذَلِكَ ذِكْرِي لِلذَّكِّرِينَ

۱۱۴

Maksudnya:

Dan dirikanlah sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat.

Surah Hud (11):114

فَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا ۖ وَمِنْ آنَاءِ
الَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ۝ ١٣٠

Maksudnya:

Oleh itu, bersabarlah engkau (wahai Muhammad) akan apa yang mereka katakan, dan beribadatlah dengan memuji Tuhanmu sebelum matahari terbit dan sebelum terbenamnya; dan beribadatlah pada saat-saat dari waktu malam dan pada sebelah-sebelah siang; supaya engkau reda (dengan mendapat sebaik-baik balasan).

Surah Taha (20):130

Setelah itu, isu waktu solat ini kemudiannya diselewengkan lagi oleh Othman Ali, penulis buku “Bacaan” yang mengatakan bahawa solat yang disyariatkan ialah tiga waktu. Beliau mengatakan terdapat tiga nama solat di dalam al-Quran iaitu solat fajar dan solat isyak dalam surah al-Nur ayat 58 serta solat wusta (solat yang ditengah) dalam surah al-Baqarah ayat 238. Tiga nama solat ini menunjukkan kepada waktunya juga. Beliau menambah lagi bahawa perkara ini dijelaskan dalam surah Hud ayat 114 yang dapat difahami bahawa solat pada waktu siang pertama ialah solat fajar, solat wusta atau solat yang di tengah ialah pada siang yang kedua dan solat yang dilakukan pada awal malam itu ialah solat isyak (Othman Ali 1992).

Ulama berbeza pandangan tentang apa yang dimaksudkan “طرفي النهار” dan “زلفا من الليل”. Ada yang berkata “طرفي النهار” itu bermaksud subuh, zuhur dan asar atau subuh dan maghrib atau subuh dan asar. Begitu juga “زلفا من الليل”, sama ada maghrib, isyak dan subuh atau maghrib dan isyak atau isyak sahaja. Pendapat yang dipilih sebagaimana yang disebut oleh al-Qurtubi di dalam tafsirnya ialah bahagian pertama siang itu bermaksud solat fardu subuh dan bahagian kedua siang itu merangkumi solat fardu zohor dan asar. Manakala solat malam pula merangkumi solat fardu maghrib dan isyak (al-Qurtubi 1964).

Selain itu, waktu solat ini juga turut dijelaskan di dalam hadis daripada Talhah bin Ubaidillah ra bahawa Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ عَمِّهِ أَبِي سُهَيْلِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ سَمِعَ طَلْحَةَ
بْنَ عُبَيْدِ اللَّهِ يَقُولُ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا هُوَ يَسْأَلُهُ عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا قَالَ لَا إِلَّا أَنْ
تَطَوَّعَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصِيَامُ شَهْرِ رَمَضَانَ قَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ
تَطَوَّعَ قَالَ وَذَكَرَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الزَّكَاةَ قَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ

فَأَذْبَرَ الرَّجُلُ وَهُوَ يَقُولُ وَاللَّهِ لَا أَزِيدُ عَلَى هَذَا وَلَا أَنْقُصُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
أَفْلَحَ إِنْ صَدَقَ

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Isma'îl bin 'Abdullah berkata, telah menceritakan kepadaku Malik dari pakciknya, Abu Suhail bin Malik dari bapanya bahawa dia mendengar Talhah bin 'Ubaidillah berkata, Ada seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW lalu dia bertanya tentang Islam, maka Rasulullah SAW bersabda, "Lima kali solat dalam sehari semalam." Lalu orang itu berkata, "Apakah untukku ada lagi selain itu?" Beliau bersabda, "Tidak ada, kecuali jika kamu mahu mengerjakan yang sunat." Kemudian Rasulullah SAW menyebutkan kepada orang itu tentang puasa pada bulan Ramadan lalu orang itu bertanya lagi, "Apakah untukku ada lagi selain itu?" Beliau bersabda, "Tidak ada, kecuali jika kamu mahu mengerjakan yang sunat." 'Ubaidillah berkata, "Kemudian Rasulullah SAW menyebutkan kepada orang itu tentang zakat," lalu orang itu bertanya lagi, "Apakah untukku ada lagi selain itu?" Beliau bersabda, "Tidak ada, kecuali jika kamu mahu mengerjakan yang sunat." Kemudian orang itu pergi sambil berkata, "Demi Allah aku tidak akan menambah atau mengurangi dari ini semua." Maka Rasulullah SAW bersabda, "Dia akan beruntung bila jujur."

(Sahih al-Bukhari, Kitab *al-Syahadat*, Bab *Kaifa Yastahlif*, Hadis Sahih, No Hadis 2678)

Dalam hadis ini dijelaskan bahawa solat fardu yang diwajibkan adalah lima waktu pada siang dan malam hari. Di samping itu, terdapat juga hadis yang menjelaskan secara terperinci berkaitan waktu-waktu solat fardu ini dalam hadis daripada Abdullah bin 'Amru bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَحَدَّثَنِي أَحْمَدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الدَّورَقِيُّ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ، حَدَّثَنَا هَمَّامٌ، حَدَّثَنَا قَتَادَةُ، عَنْ أَبِي أَيُّوبَ،
عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: وَقْتُ الظُّهْرِ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ
وَكَانَ ظِلُّ الرَّجُلِ كَطُولِهِ، مَا لَمْ يَحْضُرِ العَصْرُ، وَوَقْتُ العَصْرِ مَا لَمْ تَصْفَرَّ الشَّمْسُ، وَوَقْتُ صَلَاةِ
المَغْرِبِ مَا لَمْ يَغِبِ الشَّفَقُ، وَوَقْتُ صَلَاةِ العِشَاءِ إِلَى نِصْفِ اللَّيْلِ الأَوْسَطِ، وَوَقْتُ صَلَاةِ الصُّبْحِ
مِنْ طُلُوعِ الفَجْرِ مَا لَمْ تَطْلُعِ الشَّمْسُ، فَإِذَا طَلَعَتِ الشَّمْسُ فَأَمْسِكَ عَنِ الصَّلَاةِ، فَإِنَّهَا تَطْلُعُ بَيْنَ
قَرْنَيْ شَيْطَانٍ

Maksudnya: Telah menceritakan kepadaku Ahmad bin Ibrahim Al-Dauraqi, telah menceritakan kepada kami 'Abd al-Samad, telah menceritakan kepada kami Hammam, telah menceritakan kepada kami Qatadah dari Abi Ayyub dari Abdullah bin 'Amru bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Waktu solat Zohor adalah jika matahari telah condong dan bayangan seseorang seperti panjangnya, selama belum tiba waktu solat Asar, dan waktu solat Asar selama matahari belum menguning, dan waktu solat Maghrib selama merah (syafaq) belum menghilang, dan waktu solat Isya' hingga tengah malam,

dan waktu solat Subuh semenjak terbit fajar selama matahari belum terbit, jika matahari terbit, maka janganlah melaksanakan solat, kerana ia terbit di antara dua tanduk syaitan.

(Sahih Muslim, Kitab *al-Masajid wa Mawadi' al-Solat*, Bab *Awqat al-Solawat al-Khams*, Hadis Sahih, No Hadis 612)

5.3 Kaedah-Kaedah Solat

Golongan anti hadis tidak menekankan tentang kaedah solat kerana menurut mereka perkara tersebut tidak begitu penting jika dibandingkan dengan tujuan iaitu untuk menyembah Allah SWT semata-mata (Kassim Ahmad 1986). Tambahan pula, Kassim Ahmad menyatakan bahawa tuhan tidak memperincikan bentuk dan kaedah solat dalam al-Quran kerana:

Pertama, bentuk dan kaedah ini telah diajar kepada Nabi Ibrahim as serta pengikut-pengikutnya dan disahkan untuk diikuti oleh umat Nabi Muhammad SAW. Kedua, kerana bentuk dan kaedah tidak begitu penting dan Tuhan ingin memberi kelonggaran kepada umat Nabi Muhammad SAW supaya mereka boleh melakukan solat mereka dalam keadaan apa juga seperti dalam perjalanan jauh, dalam peperangan, di kutub utara atau di angkasa lepas mengikut cara yang sesuai (Kassim Ahmad 1986).

Namun, Kassim Ahmad tidak menafikan bahawa dalam al-Quran ada menyebut tentang perbuatan rukuk dan sujud seperti dalam firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٧٧

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan solat), dan beribadahlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Surah al-Hajj (22):77

Di dalam memahami ayat ini, Kassim Ahmad menyatakan bahawa perbuatan rukuk dan sujud merupakan salah satu kaifiyat dalam ibadah solat. Namun, hal ini telah menimbulkan tanda tanya. Bagaimanakah cara rukuk dan sujud itu dilaksanakan? Sedangkan perkara ini ada disebut dalam hadis seperti berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ، حَدَّثَنَا أَيُّوبُ، عَنْ أَبِي قِلَابَةَ، حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ الْحُوَيْرِثِ، قَالَ: أَتَيْتَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ شَبَابَةٌ مُتَقَارِبُونَ، فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عِشْرِينَ لَيْلَةً، وَكَانَ رَسُولُ

اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَفِيفًا، فَلَمَّا ظَنَّ أَنَّا قَدِ اشْتَهَيْنَا أَهْلَنَا أَوْ قَدِ اشْتَفْنَا سَأَلْنَا عَمَّنْ تَرَكَنَا بَعْدَنَا فَأَخْبَرَنَا، قَالَ: «ارْجِعُوا إِلَى أَهْلِيكُمْ، فَأَقِيمُوا فِيهِمْ، وَعَلِّمُوهُمْ وَمُرُوهُمْ، وَذَكَرْ أَشْيَاءَ أَحْفَظُهَا أَوْ لَا أَحْفَظُهَا، وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي، فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَدِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ، وَلْيُؤَمِّمَكُمُ أَكْبَرَكُمْ»

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin al-Muthanna, telah menceritakan kepada kami °Abdul Wahab, telah menceritakan kepada kami Ayyub dari Abu Qilabah, telah menceritakan kepada kami Malik bin al-Huwaith berkata, "Kami mendatangi Nabi SAW yang ketika itu kami masih muda sebaya umurnya, kemudian kami bermukim di sisi beliau selama dua puluh malam. Rasulullah SAW adalah seorang peribadi yang lembut. Maka ketika beliau menganggap bahawa kami sudah rindu terhadap isteri-isteri kami, beliau bersabda, "Kembalilah kalian untuk menemui isteri-isteri kalian, berdiamlah bersama mereka, ajar dan suruhlah mereka, dan beliau menyebut beberapa perkara yang sebahagian kami ingat dan sebahagiannya tidak, Dan solatlah sebagaimana kalian melihat aku solat. Jika solat telah tiba, hendaklah salah seorang di antara kalian melakukan azan dan yang paling dewasa menjadi imam.

(Sahih al-Bukhari, Kitab *ahbar al-Ahad*, Bab *Ma Jaa Fi Ijazati Khabar al-Wahid al-Soduq fi al-Azan wa al-Solat wa al-Saum wa al-Faraid wa al-Ahkam*, Hadis Sahih, No. Hadis 7246)

فَقَالَ أَبُو حُمَيْدٍ السَّاعِدِيُّ أَنَا كُنْتُ أَحْفَظُكُمْ لِصَلَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَيْتُهُ إِذَا كَبَّرَ جَعَلَ يَدَيْهِ حِدَاءً مُنْكَبِيهِ وَإِذَا رَكَعَ أَمَكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ ثُمَّ هَصَرَ ظَهْرَهُ فَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ اسْتَوَى حَتَّى يَعُودَ كُلُّ فِقَارٍ مَكَانَهُ فَإِذَا سَجَدَ وَضَعَ يَدَيْهِ غَيْرَ مُفْتَرِشٍ وَلَا قَابِضِهِمَا وَاسْتَقْبَلَ بِأَطْرَافِ أَصَابِعِ رِجْلَيْهِ الْقِبْلَةَ فَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ جَلَسَ عَلَى رِجْلِهِ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْيُمْنَى وَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَةِ الْآخِرَةِ قَدَّمَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْآخِرَى وَقَعَدَ عَلَى مَقْعَدَتِهِ

Maksudnya: Maka berkatalah Abu Hamid al-Sa'idi, "Aku adalah orang yang paling hafal dengan solatnya Rasulullah SAW, jika solat aku melihat beliau takbir dengan mengangkat kedua tangannya selari dengan bahunya, jika rukuk maka beliau menempatkan kedua tangannya pada lutut dan meluruskan punggungnya. Jika mengangkat kepalanya, beliau berdiri lurus hingga seluruh tulang punggungnya kembali pada tempatnya semula. Dan jika sujud maka beliau meletakkan tangannya dengan tidak meletakkan lengannya ke tanah atau badannya dan dalam posisi sujud itu beliau menghadapkan jari-jari kakinya ke arah kiblat. Apabila duduk pada rakaat kedua, beliau duduk di atas kakinya yang kiri dan menegakkan kakinya yang kanan. Dan jika duduk pada rakaat terakhir, maka beliau memasukkan kaki kirinya (di bawah kaki kanannya) dan menegakkan kaki kanannya dan beliau duduk pada tempat duduknya.

(Sahih al-Bukhari, Kitab *al-Azan*, Bab *Sunnah al-Julus fi al-Tasyahud*, Hadis Sahih, No. Hadis 828)

Berdasarkan hadis-hadis di atas, dapatlah difahami bahawa hadis menjadi panduan tentang tatacara solat yang perlu dilakukan seperti kedudukan, pergerakan dan rakaat (Najah Nadiyah 2001). Perkara ini bertepatan dengan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran bahawa hadis sebagai penjelas kepada al-Quran. Allah SWT berfirman:

٤٤ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.

Surah al-Nahl (16):44

5.4 Rakaat Solat

Kassim Ahmad telah membawa hujah berkaitan rakaat solat yang merupakan warisan daripada Nabi Ibrahim AS. Malahan, rakaat solat yang dilakukan oleh umat Islam kini tidak disebutkan dalam al-Quran. Berikut merupakan hujah berkaitan rakaat solat yang ditulis dalam laman web peribadinya (Kassim Ahmad 2013):

al-Quran tidak menyebutkan rakaat tiap-tiap solat yang umat Islam lakukan sekarang seperti solat subuh dua rakaat, solat zohor empat rakaat dan sebagainya. Kita hendaklah mewarisi turun temurun daripada Nabi Ibrahim as yang menerima amal ibadah ini daripada Tuhan.

Menurut Mohd Al'ikhsan dan Siti Salwa (2014), golongan anti hadis mengatakan kaedah solat yang ditetapkan dalam al-Quran adalah lebih mudah dan boleh diubah mengikut keadaan dan keikhlasan seperti bilangan rakaat solat. Hujah yang dibawa oleh Kassim Ahmad adalah tidak tepat kerana tidak merujuk kepada hadis. Malahan, terdapat hadis-hadis yang membicarakan tentang bilangan rakaat bagi setiap solat fardu iaitu:

عن أم المؤمنين عائشة رضي الله عنها أنها قالت: "فَرَضَ اللَّهُ الصَّلَاةَ حِينَ فَرَضَهَا، رُكْعَتَيْنِ رُكْعَتَيْنِ، فِي الْحَضَرِ وَالسَّفَرِ، فَأُقِرَّتْ صَلَاةُ السَّفَرِ، وَزِيدَ فِي صَلَاةِ الْحَضَرِ"

Maksudnya: Dari Aisyah Ummul Mukminin, dia berkata "Allah mewajibkan solat dan pada saat diwajibkan terdiri dari dua rakaat dua rakaat, baik saat mukim mahupun bepergian. Maka solat saat bepergian ditetapkan dua rakaat sebagaimana adanya, sedangkan solat saat mukim ditambah menjadi empat rakaat."

(Sahih al-Bukhari, Kitab *al-Solat*, Bab *Kaifa Furidaati al-Solawat fi al-Isra'*, Hadis Sahih, No. Hadis 350)

Berdasarkan keterangan hadis ini, pengulangan kata “dua rakaat” adalah untuk menerangkan bahawa dua rakaat tersebut mencakupi seluruh solat. Ibnu Ishaq menambah bahawa Salih bin Kaisan menceritakan kepadaku melalui jalur di atas, “kecuali solat Maghrib kerana sejak awal ditetapkan tiga rakaat.” Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad melalui jalur periwayatannya (al-^oAsqalani 1996).

Sementara itu, Imam al-Bukhari menyebutkan dalam kitab ‘Hijrah’ melalui jalur Ma’mar dari Zuhri dari ^oUrwah dari Aisyah, dia berkata bahawa solat diwajibkan sebanyak dua rakaat. Kemudian, Nabi Muhammad SAW melakukan hijrah lalu solat diwajibkan menjadi empat rakaat (al-^oAsqalani 1996).

Berdasarkan riwayat-riwayat yang telah disebutkan, riwayat yang lebih tepat oleh Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban dan al-Baihaqi melalui jalur Sya^obi dari Masruq dari Aisyah. Dia berkata, “Solat dalam keadaan mukim dan safar difardukan dua rakaat dua rakaat. Ketika Rasulullah SAW datang ke Madinah dan keadaan telah stabil ditambahkan solat mukim dua rakaat dua rakaat. Adapun solat subuh dibiarkan sebagaimana adanya kerana panjangnya bacaan. Demikian pula, dengan solat Maghrib kerana ia merupakan witr solat siang” (al-Asqalani 1996).

Daripada penjelasan hadis di atas, dapat difahami bahawa bilangan rakaat solat fardu yang umat Islam lakukan sekarang adalah benar iaitu subuh dua rakaat, zohor, asar dan isyak empat rakaat dan maghrib tiga rakaat. Hujah yang dibawa oleh Kassim Ahmad tidak boleh diterima kerana telah bercanggah dengan hadis di atas.

6.0 Kesan Pengaruh Fahaman Anti Hadis Kepada Masyarakat

Golongan anti hadis ini telah menyebarkan fahaman mereka dengan meluas kepada masyarakat. Menurut Mohd Al ‘Ikhsan & Siti Salwa (2014), pemikiran mereka yang semakin menular dan bertapak dalam masyarakat ini adalah disebabkan hak kebebasan bersuara yang mereka perolehi. Mereka telah menggunakan pelbagai medan untuk menyampaikan fahaman mereka seperti sebaran risalah, penulisan buku, konferensi dan sebagainya. Golongan ini juga bergiat aktif menyebarkan fahaman mereka melalui media sosial seperti laman web, blog, facebook, youtube dan lain-lain. Pelbagai sumber media telah dimanfaatkan semata-mata untuk memastikan mesej mereka sampai kepada masyarakat. Penyebaran fahaman mereka ini telah membawa kesan negatif kepada masyarakat dalam pelbagai aspek seterusnya merosakkan kesucian Islam dari semasa ke semasa.

Antara kesan fahaman anti hadis ini kepada masyarakat adalah boleh merosakkan akidah orang Islam. Hal ini demikian kerana, golongan anti hadis ini hanya berpegang dengan isi kandungan al-Quran sahaja dan menolak hadis sebagai sumber akidah dan perundangan Islam. Menurut Mohd al ‘Ikhsan & Siti Salwa (2014), Golongan anti hadis ini telah menyebarkan fahaman mereka yang menyentuh asas-asas Islam seperti kepercayaan kepada qada’ dan qadar, penolakan kepada perkara-perkara ghaib seperti kemunculan Imam Mahdi dan Dajjal pada akhir zaman dan sebagainya. Fahaman-fahaman mereka ini boleh merosakkan pegangan agama dan membahayakan akidah umat Islam kerana melanggar prinsip akidah sebenar yang diterapkan oleh Islam.

Selain itu, fahaman golongan anti hadis berkaitan syariat dan ibadah seperti aurat wanita, pensyariatan solat dan sebagainya boleh mengelirukan masyarakat terhadap ajaran Islam yang sebenar. Hal ini demikian kerana golongan anti hadis ini telah berusaha semaksimal mungkin untuk menarik perhatian umat Islam dengan mengemukakan teori bahawa ajaran Islam memadai dengan hanya berpandukan al-Quran serta kajian saintifik menerusi akal tanpa perlu merujuk kepada hadis (Abur Hamdi et al. 2016). Fahaman-fahaman mereka yang menyentuh hukum hakam Islam ini telah

menyebabkan masyarakat Islam jauh daripada ajaran Islam yang sebenar terutama golongan masyarakat yang jahil dan tidak mempunyai asas yang kuat tentang Islam. Seterusnya, pengaruh anti hadis yang menolak hadis telah menimbulkan keraguan umat Islam terhadap kesahihan hadis nabi Muhammad SAW.

Golongan ini berjaya mempengaruhi masyarakat Islam supaya tidak menerima hadis dan meragui tentang tugas nabi Muhammad SAW sebagai penyampai hadis kepada manusia. Bahkan lebih parah lagi, masyarakat Islam mula meragui nabi Muhammad SAW seperti mengatakan selawat ke atas nabi adalah satu bentuk pemujaan dan mempersoalkan berkaitan syahadah yang kedua. Keraguan-keraguan inilah yang akan menyebabkan masyarakat Islam tidak mengimani Rasulullah SAW sedangkan Islam menggariskan umat Islam perlu meletakkan sebenar-benar iman bukan hanya kepada Allah SWT malah juga kepada Rasulullah SWT (Abur Hamdi et al. 2016).

Di samping itu, fahaman golongan anti hadis ini juga menjadi hujah kepada orang yang tidak mahu berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar. Hal ini demikian kerana, pendapat golongan ini terhadap sesuatu perkara bukan hanya sekadar kenyataan, tetapi mereka memiliki hujah-hujah yang diyakini walaupun hanya bersumber daripada al-Quran. Mereka mentafsirkan al-Quran dengan berpandukan akal dan kajian-kajian saintifik semata-mata tanpa melihat kepada tafsiran yang dibuat oleh ulama-ulama muktabar (Zaidul Amir et al. 2019). Tafsiran-tafsiran inilah yang diambil dan dijadikan hujah oleh segelintir umat Islam yang tidak mahu berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar. Mereka menjadikan hujah-hujah GAH ini sebagai dalil untuk membenarkan kesalahan yang mereka lakukan.

7.0 Kesimpulan

Daripada penulisan di atas, dapat difahami bahawa golongan anti hadis ini jelas sekali berpegang dengan prinsip dan ideologi yang salah. Dalam isu solat dan kaifiyat solat, golongan anti hadis tidak menggunakan hadis sebagai panduan dan hanya berpandukan al-Quran dan pentafsiran secara akal sahaja. Golongan ini beranggapan bahawa kaedah solat tidak begitu penting jika dibandingkan dengan tujuannya iaitu untuk menyembah Allah SWT semata-mata. Mereka berpandangan bahawa Allah SWT tidak memperincikan bentuk dan kaedah solat kerana Allah SWT ingin memberi kelonggaran kepada manusia untuk melakukan solat dalam apa jua bentuk dan keadaan. Pendirian mereka ini bercanggah dengan apa yang digariskan oleh Islam. Hal ini demikian kerana proses pentafsiran al-Quran memerlukan kepada kepelbagaian ilmu dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi agar ia tidak menyeleweng daripada maksud sebenar yang dikehendaki oleh Allah SWT. Apabila seseorang itu tidak mampu memenuhi kriteria-kriteria yang digariskan tersebut, dia hendaklah merujuk kepada pentafsiran-pentafsiran yang telah dilakukan oleh ulama-ulama tafsir yang muktabar dan diakui keabsahan tafsiran mereka. Kegagalan mengikuti metode yang digariskan oleh ulama ini merupakan faktor utama salah faham dan penyimpangan golongan anti hadis dalam memahami al-Quran. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya golongan anti hadis seterusnya memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha membanteras golongan ini di Malaysia.

8.0 Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdul Mukti bin Baharudin, Zaidul Amin Suffian bin Ahmad. Rosni binti Wazir & Mohd Norzi bin Nasir. 2020. Kesilapan penafsiran ayat-ayat al-Quran oleh golongan anti hadis di Malaysia: Kajian terhadap Kassim Ahmad. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol 13 (1): 1-15.
- Abur Hamdi bin Usman & Norhamizah binti Gasmin. 2018. Golongan quraniyyun: implikasi terhadap pemikiran masyarakat Islam. *E-Proceeding of 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith*.
- Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh & Azman Abdul Rahman. 2016. Golongan anti hadis: isu dan cabaran. *E-Proceeding of 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith*.
- Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, Mohd Norzi Nasir, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh & Azman Abdul Rahman. 2016. Hujah golongan anti hadith: analisis kritis. *Seminar Antarabangsa Aqidah & Pemikiran Islam (IconAIT) 2016*.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Selamat Amir, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak & Ahmad Farid Ibrahim. 2014. Terjemahan al-Qur'an bahasa melayu: penilaian berasaskan tafsir 'ilm. *Jurnal Usuluddin* 39: 111-133.
- Akmal Hj Mhd Zain. 1998. *Membongkar Kekeliruan Fiqrah Inkar al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- al- °Asqalani, Abi al-Fadl Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar. 1996. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Edisi 1. Jil. 2. Kaherah: Dar Abi Hayyan.
- Dasman Yahya Macali. 2014. As-sunnah an-Nabawiyah antara pendukung dan pengingkarnya. *Jurnal Usuluddin*. Vol XXII. Halaman 193.
- Faisal Ahmad Shah. 2016. *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Hafiz Firdaus Abdullah. 2005. 20 Hujah Asas Golongan Anti Hadis Dan Jawapannya. https://www.Academia.Edu/11692060/20_Hujjah_Golongan_Anti_Hadis [3 Jun 2023].
- Himpunan Fatwa Warta Kerajaan Negeri Melaka (1986-2005). T.Th. Fatwa 4: Golongan Antihadith. https://www.Academia.Edu/6856539/H_I_M_P_U_N_A_N_F_A_T_W_A_W_A_R_T_A_K_E_R_A_J_A_A_N_N_E_G_E_R_I_M_E_L_A_K_A [5 Jun 2023].
- Ibn Manzur. t.th. *Lisan al- °Arab*. Beirut: Dar Sader.
- al-Ja°fi, Muhammad bin Ismail al-Bukhari. 1993. *Sahih al-Bukhari*. Damsyiq: Dar al-Ulum al-Insaniah.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. 1986. *Hadis Satu Penilaian Semula*. Petaling Jaya, Selangor: Media Intelek Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad. 1992. *Hadis Jawapan Kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad. 2011. *The Road Home from Socialism to Islam*. Selangor: ZI Publication Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad. 2014. Hairan bin ajaib: Apabila subjektiviti bertemu dengan objektiviti. <http://kassimahmad.blogspot.com/2014/06/hairan-bin-ajaib.html> [5 Jun 2023]
- Kassim Ahmad. 2013. Sembahyang: Kaedahnya. <http://kassimahmad.blogspot.com/2013/02/sembahyang-kaedahnya.htm> [8 Jun 2023].

- Kassim Ahmad. 2015. Tragedi demi tragedi di Mekah. <https://kassimahmad.blogspot.com/search?q=Tragedi+demi+tragedi+di+Mekah> [5 Jun 2023]
- Kassim Ahmad. 2007. Mesyuarat agung forum Iqra' yang keenam. <https://kassimahmad.blogspot.com/search?q=Mesyuarat+Agung+Forum+Iqra+%E2%80%99> [5 Jun 2023].
- Mohd Al'Ikhsan bin Ghazali & Siti Salwa bt Md. Sawari. 2014. Pengaruh pemikiran golongan anti hadith (GAH) kepada umat Islam: kajian khusus di Lembah Klang. *Al-Bayan-Journal of Quran and Hadith Studies*. Vol. 12. 76-88.
- Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh, Azman Abdul Rahman. 2016. Metode Kassim Ahmad dalam kajian hadis: satu penilaian dalam timbangan metode ilmiah ulama hadis. *Hadis: Jurnal Ilmiah Berwasit Tahun Keenam*. Bil 11: 49-69.
- al-Mubarakfuri, Safiy al-Rahman. 2002. *Al-Rahiq al-Makhtum*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Muhammad Ali Rahibin. 2012. *Menyingkap Tabir Kegagalan Dari Perspektif Hadis*. Jakarta: Darul Zikir.
- al-Naisaburi, Muslim bin al-Hajaj Abu al-Hasan al-Qusyairi. 1997. *Sahih Muslim bi Syarh al-Imam Muhyiddin al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Najah Nadiyah Amran. 2001. *Gerakan Anti Hadith di Malaysia: Suatu Kajian Dalam Internet*. Disertasi Sarjana. Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith. Universiti Malaya.
- Othman Ali. 1992. Solat menurut al-Quran. http://www.e-bacaan.com/artikel_solat.htm [3 Jun 2023].
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar bin Farh al-Ansori al-Khazraji Syamsuddin. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Edisi ke-2. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyah.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Kamil Abd Majid, Ruzman Mohd Nor & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2012. Pengaruh orientalism dalam gerakan anti hadis di Malaysia: analisis kritikal. *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*. Halaman 70.
- Rosni binti Wazir, Abdul Mukti bin Baharuddin, Zaidul Amin Suffian bin Ahmad, Mohd Norzi bin Nasir & Nor Asyikin binti Hasan Adali. 2020. Analisis pemahaman golongan antihadis di Malaysia terhadap hadith. *E-Proceeding of 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith*.
- al-Siba'ie, Mustaffa. 1985. *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islami*. Edisi ke-4. al-Maktabah al-Islami. Beirut.
- Syed Abdul Majid Ghouri. 2015. *Asas-Asas Berinteraksi dengan al-Sunnah al-Nabawiyah*. Terj. Zuhilmi bin Mohamed Nor. Bangi: Penerbit KUIS.
- al-Uthaimin, Muhammad bin Salih. t.th. *Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu Ushul Tafsir*. Terj. Fadhlan bin Mohd. Othman. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Zaidul Amin Suffian Ahmad, Abdul Mukti bin Baharudin, Rosni binti Wazir, Mohd Norzi bin Nasir. 2019. Kebebasan beragama menurut Kassim Ahmad: sorotan awal. *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*.